

30 AUG 2000

Merdeka-Sambutan

HARI KEMERDEKAAN DISAMBUT DENGAN PELBAGAI CARA TERSENDIRI

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Biarpun sambutan rasmi Hari Kebangsaan ke-43 diadakan di Shah Alam, namun pelbagai pihak di negara ini tidak ketinggalan untuk menyambut hari bersejarah itu dengan cara yang tersendiri.

Bagi anggota Pergerakan Pemuda Umno, mereka menunjukkan rasa kesyukuran dengan mengadakan tazkirah di Masjid Putra, Putrajaya bermula 3.30 hingga 4.30 petang ini.

Ia disusuli dengan dialog bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga pukul 6.30 di Dataran Putra.

Menurut satu kenyataan daripada Jabatan Perdana Menteri, para anggota Pemuda dari seluruh negara itu kemudian akan menunaikan solat Maghrib dan disusuli dengan solat sunat hajat dan solat sunat syukur.

Selain itu, pusat pentadbiran kerajaan yang baru itu juga menganjurkan program "Countdown Ambang Merdeka Putrajaya" bermula pukul 9 malam hingga 12.20 pagi di hadapan Selera Putra Food Court (kawasan Promenade).

Antara acara menarik ialah pertunjukan cahaya laser dan bunyi serta tayangan filem dokumentari.

Sementara itu Suria KLCC menganjurkan hidangan hiburan sambutan Merdeka bagi seisi keluarga yang mengunjungi dan membeli belah di situ.

Program yang diatur bermula pukul 9 malam di Suria KLCC Esplanade dengan persembahan kanak-kanak, jazz, dikir barat, pertunjukan pancaragam dan kebudayaan diikuti dengan kiraan detik Merdeka yang diiringi dengan pertunjukan warna warni bunga api.

Pengurus Pemasaran Suria KLCC Rafidah Jalil berkata acara itu bertujuan merangsangkan semangat Merdeka yang menyentuh semua peringkat umur.

Penyanyi Zainal Abidin dan Farra adalah di antara yang akan membuat persembahan sempena sambutan itu.

Sementara itu Pearl International Hotel menyertai perayaan berkenaan dengan menganjurkan pertandingan karaoke Terbuka Remaja esok dan satu cubaan mencipta rekod dalam Malaysia Book of Records dengan membuat ais kacang setinggi lima kaki, yang tertinggi pernah dibuat di Malaysia.

Sementara itu Kedutaan Amerika Syarikat di sini akan ditutup esok sebagai penghormatan kepada sambutan Hari Kebangsaan negara.

Semua perkhidmatan kedutaan itu termasuk visa dan pasport Amerika serta perkhidmatan notari akan beroperasi semula esoknya, menurut kedutaan itu dalam satu kenyataan.

Kedutaan itu juga akan ditutup pada Isnin (4 Sept) untuk memperingati Hari Buruh Amerika dan dibuka semula keesokan harinya.

Semasa cuti sekolah, permohonan visa boleh ditinggalkan dengan agensi pelancongan atau di pintu pagar depan kedutaan di Jalan Tun Razak.

Bagi peminat lumba kereta yang mahu menyaksikan Silverstone Merdeka Millenium Endurance di Sirkuit Antarabangsa Sepang (SIC) malam ini, Sepang Omnibus, pengusaha bas bagi Nilai-SIC, menyediakan perkhidmatan pengangkutan yang bermula dari pukul 6 petang (30 Ogos) hingga pukul 2 pagi dan bermula dari pukul 7 pagi hingga 6 petang esok (31 Ogos) .

"Perkhidmatan antara pukul 2 pagi dan 7 pagi pada 31 Ogos akan bergantung kepada permintaan pengguna," kata jurucakap SIC Azhar Ghazali.

-- BERNAMA

APG AFY RON